

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, May 7, 2019 3:06 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel KIK-PDCA Bantu Tingkatkan Pemahaman Peserta



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

7 MEI 2019 / 2 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Hajar Mat Isa
Gambar oleh: IPQ

BENGKEL KIK-PDCA BANTU TINGKATKAN PEMAHAMAN PESERTA



UUM ONLINE: Bagi memantapkan laporan projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah mengadakan Bengkel KIK-PDCA di Dewan Budi Siswa, Pusat Budaya dan Seni, baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Bahagian Sistem Kecemerlangan Kualiti IPQ, Dr. Rohaizah Saad berkata, tujuan utama bengkel itu diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang proses pelaksanaan projek KIK.

Menurutnya, bengkel itu juga membantu peserta dalam memantapkan serta menambahbaik laporan projek KIK dengan menggunakan beberapa kaedah yang terdapat dalam KIK.

“Saya berharap bengkel ini dapat membantu peserta untuk memahami dengan lebih mendalam proses pelaksanaan KIK dan menggerakkan agenda KIK di pusat tanggungjawab (PTJ) dan pusat pengajian (PP) masing-masing.

“Semoga usaha ini dapat menambahbaik kualiti perkhidmatan di PTJ dan PP masing-masing serta membantu merealisasikan visi UUM iaitu menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka,” katanya.

Bengkel selama sehari itu dikendalikan Timbalan Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), Prof. Madya Dr. Che Azlan Taib dengan penyertaan 26 peserta dari pelbagai pusat tanggungjawab dan pusat pengajian.

Dalam bengkel itu juga, peserta telah diberi latihan secara berkumpulan bagi menyelesaikan beberapa persoalan dan masalah yang sering dihadapi setiap kumpulan KIK dalam proses pembentukan laporan KIK.

Konvensyen KIK Terbuka UUM 2019 akan diadakan pada 3 dan 4 September depan melibatkan penyertaan pasukan bukan sahaja dari UUM, malah agensi-agensi luar dari sektor awam dan swasta.

